

NOTA

Cukup Makan

T4



SEJARAH SPM 2022

Pass Fail



TINGKATAN 4

BAB 1 : WARISAN NEGARA BANGSA

1. Nyatakan ciri-ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Mempunyai RAJA	Raja dibantu oleh pembesar
2	Mempunyai UNDANG-UNDANG	Menjadi panduan dalam pentadbiran kerajaan
3	Mempunyai WILAYAH PENGARUH	Kawasan yang rakyatnya mengakui kekuasaan raja
4	Mempunyai RAKYAT	Rakyat setia kepada raja

CONTOH JAWAPAN PENUH

Ciri-ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu ialah **mempunyai Raja**. Raja dibantu oleh pembesar. Ciri yang kedua ialah **mempunyai undang-undang**. Undang-undang ini menjadi panduan dalam pentadbiran kerajaan Alam Melayu. Ciri seterusnya ialah **mempunyai wilayah pengaruh**. Wilayah pengaruh ialah kawasan yang rakyatnya mengakui kekuasaan raja. Ciri yang terakhir ialah **mempunyai rakyat**. Rakyat dalam kerajaan Alam Melayu setia kepada raja. [8 markah]

2. Terangkan sistem pentadbiran yang diamalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Amalkan sistem pentadbiran PEMBESAR EMPAT LIPATAN	Pentadbiran yang tersusun dan lengkap
2	SULTAN mengetuai pemerintahan	Mempunyai kuasa dalam segala aspek
3	Sultan dibantu oleh BENDAHARA	Menjadi ketua pentadbir dan ketua turus angkatan tentera
4	PENGHULU BENDAHARI menguruskan perbendaharaan Melaka	Pendapatan Melaka diperoleh daripada urusan perdagangan, cukai dan ufti
5	TEMENGGUNG menjaga keselamatan Melaka	Menjaga keselamatan di darat dan di kota
6	LAKSAMANA menjaga keselamatan Melaka	Menjadi panglima angkatan laut Melaka

3. Nyatakan fasal / perkara yang terdapat dalam Hukum Kanun Melaka

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Perkara JENAYAH	Hukuman setimpal dikenakan terhadap perbuatan jenayah
2	Perkara PERANAN SULTAN & PEMBESAR	Sultan melantik pembesar
3	Perkara KEKELUARGAAN	Hamba abdi dan wanita tidak boleh menjadi saksi pernikahan
4	Perkara EKONOMI	Amalan riba diharamkan dalam perniagaan

4. Apakah perkara yang terdapat dalam Undang-Undang Laut Melaka?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Perkara PERANAN NAKHODA	Nakhoda berkuasa penuh dalam pelayaran
2	Perkara PELAYARAN	Dinyatakan peranan pegawai selain nakhoda seperti jurumudi
3	Perkara JENAYAH	Menyatakan hukuman terhadap perbuatan jenayah seperti mencuri
4	Perkara CUKAI	Pelbagai cukai dikenakan dalam perdagangan

5. Bincangkan peranan pemerintah dan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Peranan SULTAN	Menjaga keselamatan rakyat
2	Peranan PEMBESAR	Mengutip hasil
3	Peranan RAKYAT	Taat setia kepada pemerintah

6. Buktikan kepentingan hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat. (PESA)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Dapat stabilkan POLITIK	Tidak berlaku penentangan
2	Dapat majukan EKONOMI	Rakyat merebut peluang ekonomi yang disediakan
3	Dapat tingkatkan SOSIAL	Kemudahan awam disediakan oleh kerajaan kepada rakyat
4	Dapat kukuhkan AGAMA	Mewujudkan negara yang dirahmati

BAB 2 : KEBANGKITAN NASIONALISME

1. Jelaskan maksud nasionalisme

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Perasaan CINTA yang mendalam terhadap bangsa dan negara	Sanggup berjuang menentang penjajah

2. Nyatakan sejarah perkembangan idea nasionalisme di Barat

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	REVOLUSI KEAGUNGAN di England	Mahu tegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat
2	REVOLUSI AMERIKA	Orang Amerika menentang penjajahan British
3	REVOLUSI PERANCIS	Memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan

3. Jelaskan perkembangan nasionalisme yang berlaku di Asia Tenggara

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Nasionalisme di FILIPINA	Bertujuan untuk menghapuskan penjajahan asing
2	Nasionalisme di BURMA (MYANMAR)	Perjuangan golongan kelas menengah, sami Buddha (pongyi), Thakin (siswazah universiti) dan golongan petani menentang imperialisme British
3	Nasionalisme di VIETNAM	Dipelopori oleh golongan bangsawan dan pegawai daripada golongan Mandarin yang memperjuangkan pemulihan sistem pemerintahan beraja
4	Nasionalisme di INDONESIA	Bermula dengan isu pendidikan untuk mengubah nasib rakyat akibat daripada dasar penjajahan Belanda
5	Nasionalisme di THAILAND	Bertujuan untuk mempertahankan kedaulatan negara serta menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan

4. Nyatakan sejarah perkembangan nasionalisme di negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Berlaku sejak zaman KESULTANAN MELAYU MELAKA	Berkembang semasa menghadapi ancaman daripada Siam
2	Berusaha mendapatkan semula Melaka daripada penguasaan PORTUGIS	Melakukan serangan terhadap Portugis sebanyak tiga kali
3	Sultan Kedah menentang SYARIKAT HINDIA TIMUR INGGERIS (SHTI)	Baginda berusaha untuk mendapatkan semula Pulau Pinang
4	Tokoh tempatan berusaha menentang penjajah BRITISH	Contohnya ialah Penghulu Dol Said dan Tok Janggut
5	Muncul kesedaran nasionalisme melalui GERAKAN ISLAH	Contoh tokoh ialah Syed Sheikh al-Hadi

5. Huraikan faktor kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Faktor PERANAN AGAMA	Pelajar terpengaruh dengan Gerakan Islah di Mesir
2	Faktor PENULISAN KREATIF	Novel, cerpen dan puisi menjadi wadah untuk menyatakan penderitaan rakyat
3	Faktor MEDIA CETAK	Akhbar dan majalah berperanan untuk menyebarkan maklumat dan berita
4	Faktor SISTEM PENDIDIKAN	Madrasah berjaya meniupkan semangat baharu kepada pelajar
5	Faktor KEMUNCULAN GOLONGAN INTELEKTUAL	Sistem pendidikan telah melahirkan golongan intelektual pendidikan Agama, Inggeris dan Melayu
6	Faktor PENGARUH LUAR & SERANTAU	Kejayaan Jepun mengalahkan Rusia telah memberi semangat kepada penduduk tempatan

6. Jelaskan gerakan nasionalisme yang dilakukan oleh golongan intelektual

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Perjuangan oleh golongan intelektual berpendidikan AGAMA	Dilakukan melalui Gerakan Islah yang menyebarkan perjuangan mereka melalui madrasah, akhbar dan majalah
2	Perjuangan oleh golongan intelektual berpendidikan INGGERIS	Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) melahirkan intelektual yang memperjuangkan hak pendidikan, taraf hidup dan peluang pekerjaan untuk orang Melayu daripada pihak British
3	Perjuangan oleh golongan intelektual berpendidikan MELAYU	Melalui lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) yang memperjuangkan kebangkitan semangat kesedaran bangsa

7. Terangkan perjuangan nasionalisme melalui penulisan di negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Melalui penulisan AKHBAR dan MAJALAH	Contoh akhbar ialah Utusan Melayu, Warta Malaya dan Fajar Sarawak
2	Melalui penulisan akhbar masyarakat CINA	Akhbar Cina berjuang untuk mengekalkan identiti, nasib wanita dan menyemai perasaan cinta akan negara China.
3	Melalui penulisan akhbar masyarakat INDIA	Akhbar India memperjuangkan kesedaran kepentingan politik dan sosial masyarakat India di negara kita
4	Melalui penulisan karya KREATIF	Melalui penulisan novel seperti "Sedarlah" dan "Cerita Awang Putat"

8. Nyatakan perjuangan nasionalisme melalui persatuan dan pertubuhan di negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Perjuangan KESATUAN MELAYU SINGAPURA (KMS)	Menggalakkan ahlinya bergerak aktif dalam pentadbiran, memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam politik dan pendidikan serta mementingkan pelajaran teknik dan pengajian tinggi
2	Perjuangan PERSAUDARAAN SAHABAT PENA (PASPAM)	Menggalakkan ahlinya untuk bersatu dan bertukar-tukar pendapat tentang kesedaran nasionalisme
3	Perjuangan KESATUAN MELAYU MUDA (KMM)	Bertujuan untuk menentang British dan menubuhkan satu gagasan "Melayu Raya" melalui gabungan Tanah Melayu dengan Indonesia
4	Perjuangan persatuan masyarakat CINA	Masih menumpukan perhatian kepada keadaan yang berlaku di negara China
5	Perjuangan persatuan masyarakat INDIA	Bertujuan untuk menjaga kepentingan masyarakat India di Tanah Melayu

9. Apakah kesan perkembangan nasionalisme di negara kita?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Kesan terhadap POLITIK	British menangkap tokoh nasionalisme seperti Ibrahim Haji Yaakob
2	Kesan terhadap EKONOMI	Berjaya bangkitkan semangat berniaga dalam kalangan masyarakat Melayu
3	Kesan terhadap SOSIAL	Berjaya mendorong masyarakat Melayu belajar di Madrasah dan sekolah Melayu

10. Jelaskan kepentingan semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia (**RUKUN NEGARA**)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Wujudkan sikap setia kepada RAJA	Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
2	Wujudkan sikap setia kepada NEGARA	Sanggup pertahankan negara
3	Wujudkan sikap hormat pada PERLEMBAGAAN	Tidak menyentuh isu sensitif
4	Wujudkan sikap patuh pada UNDANG-UNDANG	Mewujudkan suasana aman dalam negara

BAB 3 : KONFLIK DUNIA & PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

1. Apakah faktor yang menyebabkan Perang Dunia Pertama berlaku?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Persaingan kuasa IMPERIALIS	Negara Barat bersaing untuk dapatkan tanah jajahan dan bahan mentah
2	PAKATAN ketenteraan	Wujud pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga
3	Krisis rantau BALKAN	Berlaku permusuhan antara Austria-Hungary dengan Serbia

2. Jelaskan kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara Eropah

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Tamatkan sistem pemerintahan BERAJA	Khalifah Turki Uthmaniyah digulingkan
2	Munculnya NEGARA baharu	Contohnya ialah Syria dan Iraq
3	Kesan terhadap NEGARA KITA	Hasil ekonomi negara kita digunakan oleh British untuk perang

3. Nyatakan faktor berlakunya Perang Dunia Kedua

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Munculnya IDEOLOGI BAHARU	Contohnya fahaman Nazisme di Jerman dan Fasisme di Itali
2	PERJANJIAN VERSAILLES dianggap tidak adil	Jerman dan Itali tidak berpuas hati dengan Perjanjian Versailles
3	LIGA BANGSA-BANGSA gagal memainkan peranan	Liga Bangsa-Bangsa gagal mengatasi masalah pencerobohan selepas Perang Dunia Pertama

4. Jelaskan peristiwa Perang Dunia Kedua

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	JERMAN menakluki negara di Eropah Barat	Jerman memulakan peperangan dengan menakluki negara Poland dan menguasai hampir keseluruhan negara di Eropah Barat pada tahun 1941
2	Jerman mengebom BRITAIN	Jerman melancarkan serangan udara dan laut terhadap Britain pada September 1940
3	ITALI melibatkan diri dalam perang di Eropah	Itali bersekutu dengan Jerman dan mengisytiharkan perang terhadap Britain dan Perancis
4	Jerman menyerang RUSIA	Jerman melancarkan Operasi Barbarossa dan menyerang Rusia secara besar-besaran

5. Apakah faktor Kuasa Bersekutu berjaya memenangi Perang Dunia Kedua?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Kerjasama antara KUASA BESAR	Amerika Syarikat, Britain dan Rusia bekerjasama dalam operasi ketenteraan
2	STRATEGI SERANGAN yang berkesan	Kuasa Bersekutu membuat perancangan yang berkesan dalam operasi pendaratan tentera di Normandy, Perancis
3	Jerman GAGAL dalam operasi menawan Rusia	Tempoh peperangan yang panjang menyebabkan operasi tentera Jerman di Rusia gagal
4	Kejayaan OPERASI PENDARATAN tentera Bersekutu	Operasi 'D-Day' tentera Bersekutu berjaya memperdayakan tentera Jerman

6. Terangkan faktor penglibatan Jepun dalam Perang Dunia Kedua

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	DASAR PERLUASAN KUASA Jepun	Untuk memenuhi keperluan ekonomi, ketenteraan dan perkembangan politik dalam negara
2	Memenuhi keperluan PERINDUSTRIAN	Perlukan wilayah yang dapat bekalkan bahan mentah dan menjadi kawasan pasaran
3	Pengaruh GOLONGAN TENTERA	Berpendapat masalah ekonomi Jepun boleh diselesaikan dengan menakluki negara luar
4	Jepun mewujudkan ORDE BAHARU di Asia	Menentang imperialisme Barat dan mewujudkan perkongsian kuasa dan kekayaan antara negara Asia
5	SEKATAN EKONOMI terhadap Jepun	Pihak Bersekutu hentikan perdagangan dan bekukan semua harta milik Jepun
6	Jepun merancang untuk MENAKLUKI wilayah Selatan	Sebagai jalan keluar daripada sekatan ekonomi

7. Huraikan faktor kedatangan Jepun ke negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Mahukan BAHAN MENTAH	Bahan mentah seperti minyak, diperlukan untuk industri di Jepun
2	Kedudukan negara yang STRATEGIK	Kedudukan pangkalan tentera laut British di Singapura sangat strategik

8. Jelaskan dasar pendudukan Jepun di negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Amalkan PEMERINTAHAN TENTERA Tanah Melayu	Tanah Melayu dan Sumatera digabungkan di bawah satu pentadbiran tentera
2	Kedudukan RAJA-RAJA MELAYU diiktiraf	Diletakkan di bawah pengawasan Gabenor Jepun
3	Amalkan sistem EKONOMI KAWALAN	Rancangan Pengeluaran Lima Tahun diperkenalkan
4	Perkenalkan sistem PERSEKOLAHAN JEPUN	Sekolah Cina dan Inggeris ditutup
5	LAYANAN BERBEZA kepada penduduk	Orang Cina dilayan dengan kejam

9. Nyatakan pihak yang berjuang menentang pendudukan Jepun di negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	REJIMEN ASKAR MELAYU	Rejimen Askar Melayu dan tentera British menentang pendaratan Jepun di Kelantan
2	MPAJA	Ditubuhkan oleh PKM untuk menentang Jepun
3	FORCE 136	Anggota Force 136 mendapat latihan di India dan Sri Lanka sebelum dihantar ke Tanah Melayu

10. Jelaskan kesan pendudukan Jepun terhadap masyarakat di negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Peningkatan SEMANGAT ANTIPENJAJAH	Kejayaan Jepun menyedarkan penduduk tempatan bahawa orang Asia boleh mengalahkan orang Eropah
2	Penduduk tempatan berjuang untuk KEMERDEKAAN	KMM berjuang mendapatkan kemerdekaan dengan taktik dan strategi baharu
3	Beri KESEDARAN POLITIK di Sarawak dan Sabah	Penduduk tempatan diberi jawatan dan kuasa yang lebih tinggi

11. Terangkan keadaan negara kita selepas kekalahan Jepun

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Lord Mountbatten mahu segera MENDARAT di Tanah Melayu	Tetapi tidak dibenarkan sehingga upacara Jepun menyerah kalah selesai
2	BINTANG TIGA menguasai Tanah Melayu	Bertindak kejam terhadap orang Melayu
3	ORANG MELAYU bertindak balas	Membentuk Gerakan Fi-Sabilillah
4	PEMIMPIN TEMPATAN bertindak untuk kedamaian	Dato' Onn Jaafar mengatur perundingan damai

12. Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua membuktikan bahawa keamanan dunia sangat penting kepada semua pihak. Setujukah anda? (**PESA**)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	SETUJU	
2	Dapat wujudkan POLITIK yang stabil	Penduduk dunia dapat hidup dengan aman
3	Dapat majukan EKONOMI negara	Taraf hidup rakyat akan meningkat
4	Dapat wujudkan SOSIAL yang baik untuk rakyat	Contohnya ialah penyediaan kemudahan asas seperti hospital

BAB 4 : ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

1. Mengapakah Sarawak diserahkan kepada pihak British?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Masalah PEWARISAN TAKHTA	Vyner Brooke tidak mempunyai anak lelaki untuk menggantikan tempatnya
2	DESAKAN kerajaan British	British mahu menguasai kekayaan ekonomi di Sarawak
3	Masalah KEWANGAN	Vyner Brooke tidak mampu membangunkan semula Sarawak selepas Perang Dunia Kedua

2. Nyatakan sebab penduduk tempatan menentang penyerahan Sarawak kepada British

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Penyerahan bertentangan dengan PERLEMBAGAAN 1941	Perlembagaan 1941 menyatakan Sarawak akan diberi pemerintahan sendiri
2	Vyner Brooke tidak mematuhi SURAT WASIAT Charles Brooke	Vyner tidak berbincang dengan Raja Muda dan Tuan Muda
3	Gerard T. MacBryan gunakan TIPU MUSLIHAT	Beliau gunakan pelbagai muslihat untuk dapatkan persetujuan ketua tempatan

3. Jelaskan bentuk penentangan yang dilakukan oleh penduduk Sarawak

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Mengadakan PERSIDANGAN	Persidangan dihadiri oleh wakil dari seluruh Sarawak
2	Mengadakan DEMONSTRASI	Demonstrasi diadakan semasa lawatan Gabenor British yang pertama
3	MELETAKKAN JAWATAN beramai-ramai	409 kakitangan kerajaan meletakkan jawatan sebagai bantahan
4	Bantahan daripada GOLONGAN WANITA	Cikgu Lily Eberwein mengadakan kempen kesedaran di rumah Panjang
5	Menggunakan AKHBAR	Akhbar Utusan Sarawak menjadi saluran untuk sebarkan tentangan terhadap penyerahan Sarawak
6	Menulis SURAT BANTAHAN	PPM menghantar surat bantahan kepada kerajaan British di London
7	Menubuhkan Kumpulan RUKUN 13	Sasaran Rukun 13 ialah untuk menghapuskan pegawai tinggi British di Sibu

4. Mengapakah terdapat penduduk yang menyokong penyerahan Sarawak kepada British?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Dapat MEMAJUKAN negeri Sarawak	Dapat memajukan kemusnahan yang berlaku selepas Perang Dunia Kedua
2	Dapat MEMAJUKAN penduduk tempatan	Mereka menubuhkan YMA untuk galakkan kemajuan orang Melayu dalam ekonomi dan sosial
3	Memberikan PELUANG PEKERJAAN dalam perkhidmatan awam	Ramai golongan intelektual dilantik mengisi jawatan tinggi dalam perkhidmatan kerajaan

5. Nyatakan sebab SBUB menyerahkan Sabah kepada kerajaan British

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Memenuhi KEPENTINGAN BRITISH	Sabah dapat bekalkan bahan mentah dan menjadi kawasan pasaran
2	Meneruskan DASAR BRITISH dalam hubungan luar	Semasa diperintah SBUB, British menguasai hubungan luar dan pertahanan Sabah
3	MASALAH KEWANGAN SBUB	SBUB tidak mampu membangunkan semula kerosakan yang dilakukan oleh tentera Jepun

6. Mengapakah penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat tentangan daripada rakyat tempatan?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Dasar British yang MENINDAS kegiatan berpersatuan	British memindahkan ahli dan pemimpin persatuan yang aktif ke bandar lain
2	Dasar British yang MENGEHADKAN PELUANG dalam pentadbiran	Ini menyebabkan penduduk tempatan kurang pengalaman dalam sistem birokrasi Barat
3	Penduduk tempatan PENTINGKAN KEMAJUAN dalam sosioekonomi	Penduduk tempatan anggap penyerahan Sabah dapat bangunkan semula negeri selepas perang

BAB 5 : PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

1. Sebuah Jawatankuasa Kerja ditubuhkan untuk merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Apakah cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa tersebut?

	ISI
1	Semua negeri Melayu DISATUKAN dalam satu pentadbiran dan dua buah Negeri-negeri Selat
2	MEMULIHKAN kedudukan dan kedaulatan Raja-raja Melayu
3	MENJAGA kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan kaum lain
4	MENUBUHKAN Dewan Perundangan Negeri
5	SYARAT KERAKYATAN yang ketat

2. Nyatakan golongan yang menentang penubuhan Jawatankuasa Kerja Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	PUTERA	Menentang kerana British menjalankan perundingan secara tertutup dengan UMNO
2	AMCJA	Membantah kerana tiada wakil bukan Melayu

3. Nyatakan cadangan yang dikemukakan oleh PUTERA-AMCJA dalam Perlembagaan Rakyat

	ISI
1	Tanah Melayu DISATUKAN dengan Singapura
2	PENUBUHAN Dewan Perundangan Pusat dan majlis-majlis negeri
3	KEWARGANEGARAAN yang sama bagi semua orang
4	Raja-raja Melayu sebagai RAJA BERPERLEMBAGAAN
5	Hal ehwal AGAMA ISLAM dan ADAT ISTIADAT MELAYU diketuai oleh orang Melayu
6	BAHASA MELAYU sebagai bahasa kebangsaan
7	WARGANEGARA Malaya dinamakan Melayu
8	WARNA MERAH dan PUTIH dalam bendera kebangsaan

4. Jelaskan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Orang Melayu menentang MALAYAN UNION	Malayan Union ditentang kerana memberikan kesan buruk kepada Raja-Raja Melayu dan orang Melayu
2	Cadangan daripada RAJA-RAJA MELAYU dan UMNO	Raja-raja Melayu telah memberikan beberapa cadangan dalam pertemuan dan rundingan dengan British di Kuala Kangsar
3	Sokongan daripada PENTADBIR BRITISH	Pentadbir British menyokong pembentukan Persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan dan kemajuan ekonomi

5. Bincangkan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	PENTADBIRAN	Gabungan sembilan negeri Melayu dan dua Negeri-Negeri Selat.
		Diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British
2	KUASA RAJA-RAJA MELAYU	Majlis Raja-Raja Melayu dibentuk.
		Sultan bertanggungjawab mengesahkan undang-undang di peringkat negeri
3	PERUNDANGAN	Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British.
		Rang undang-undang mesti mendapat perkenan Raja-Raja Melayu
4	KEWARGANEGARAAN	Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang
		Kewarganegaraan secara pendaftaran

6. Nyatakan kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 kepada negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Kedudukan RAJA-RAJA MELAYU dikembalikan	Majlis Raja-Raja diwujudkan
2	KEDUDUKAN ISTIMEWA Orang Melayu dijaga	Kedudukan istimewa orang Melayu diiktiraf
3	Membuka ruang KEWARGANEGARAAN	Orang bukan Melayu berpeluang menjadi warganegara
4	Mewujudkan KERJASAMA KAUM	Membuka jalan ke arah perpaduan melalui penubuhan CLC

7. Konsep Negara Persekutuan mempunyai pelbagai kebaikan. Apakah pendapat anda? (PESA)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Dapat wujudkan hubungan POLITIK yang harmoni	Hubungan baik antara pemimpin pusat dengan pemimpin negeri
2	Dapat wujudkan kerjasama EKONOMI	Pusat dan negeri bekerjasama memajukan ekonomi negeri dan negara
3	Dapat selaraskan kemudahan SOSIAL	Kemudahan sosial yang seimbang dapat disediakan bagi setiap negeri
4	Dapat pupuk NILAI MURNI (Agama)	Dapat mewujudkan sikap tolak ansur

BAB 6 : ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT

1. Bagaimanakah pengaruh komunis memasuki negara kita?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Dari negara CHINA	Dibawa masuk melalui cawangan Parti Kuomintang (KMT)
2	Dari negara INDONESIA	Dibawa masuk oleh beberapa pemimpin komunis Indonesia di Seberang Perai, Pulau Pinang, Perak Utara dan Kedah

2. Terangkan sejarah penubuhan Parti Komunis Malaya

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	DITUBUHKAN pada 30 April 1930	Di Kuala Pilah, Negeri Sembilan
2	PKM MENYUSUP MASUK ke dalam Kesatuan Sekerja	Bergerak melalui kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan akhbar dan sekolah Cina
3	BEKERJASAMA dengan British untuk menentang Jepun	Menubuhkan MPAJA / Bintang Tiga
4	MENGUASAI TANAH MELAYU selepas kekalahan Jepun	Melakukan kekejaman dan pembunuhan terhadap orang Melayu, Cina dan India yang didakwa bersubahat dengan Jepun

3. Nyatakan cara PKM meluaskan pengaruh mereka selepas Jepun menyerah kalah

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Selepas Jepun kalah, berlaku KEKOSONGAN POLITIK di Tanah Melayu	PKM mengambil peluang untuk meluaskan pengaruh
2	MPAJA / KOMUNIS melakukan kekejaman dan pembunuhan	Terhadap orang Melayu, Cina dan India yang didakwa bersubahat dengan Jepun
3	BMA membubarkan MPAJA	Tetapi PKM dibenarkan bergerak sebagai pertubuhan yang sah
4	PKM MENYUSUP MASUK dalam kesatuan sekerja	PKM berjaya menguasai 335 kesatuan sekerja
5	British mula bertindak MENYEKAT PENGARUH komunis	Akhirnya PKM diharamkan

4. Jelaskan tindakan komunis yang telah menggugat keamanan dan kestabilan negara

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Melumpuhkan EKONOMI negara	Lombong bijih timah dan ladang getah menjadi sasaran utama serangan komunis
2	Merosakkan KEMUDAHAN ASAS	Komunis merosakkan sistem pengangkutan dan perhubungan negara seperti jalan raya dan landasan kereta api
3	Mengancam KESELAMATAN RAKYAT	Komunis menyerang dan membunuh rakyat yang tidak mahu bekerjasama
4	Mengancam PASUKAN KESELAMATAN	Komunis menyerang pasukan tentera dan balai polis

5. Kemusnahan dan suasana tidak aman yang diwujudkan oleh komunis di negara kita telah memberi banyak pengajaran kepada kita. Jelaskan. **(PESA)**

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Pentingnya POLITIK yang stabil	Politik stabil akan jadikan negara aman
2	Kita harus meningkatkan EKONOMI negara	Kemajuan ekonomi dapat tingkatkan taraf hidup rakyat
3	Perlunya kita menjaga kemudahan SOSIAL	Kemudahan sosial membolehkan rakyat hidup dengan selesa
4	Kepentingan mengamalkan ajaran AGAMA	Dapat wujudkan rakyat yang mengamalkan nilai murni

BAB 7 : USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

1. Apakah objektif pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)?

	ISI
1	MENGAJAI hubungan antara kaum secara mendalam
2	MEMBETULKAN keadaan politik, ekonomi dan sosial supaya wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti
3	MEWUJUDKAN keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk di negara ini

2. Jelaskan isu yang perlu diselesaikan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC).

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Isu POLITIK	Persediaan untuk berkerajaan sendiri
2	Isu KEDUDUKAN ISTIMEWA orang Melayu	Orang Melayu menuntut hak istimewa sebagai penduduk asal rantau ini
3	Isu KEDUDUKAN EKONOMI orang Melayu	Orang Melayu tidak mendapat peluang yang sama seperti bukan Melayu dalam perniagaan dan perusahaan
4	Isu KEWARGANEGARAAN orang bukan Melayu	Ketegasan orang Melayu terhadap pemberian syarat kewarganegaraan kepada bukan Melayu
5	Isu PENDIDIKAN	Wujudnya sistem persekolahan yang berbeza mengikut kaum

3. Apakah Sistem Ahli?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Dilaksana pada bulan APRIL 1951 hingga Jun 1955	Sebelum pilihan raya MPP diadakan
2	MELATIH penduduk tempatan mentadbir PTM	Sebelum British memberikan kemerdekaan

4. Nyatakan ciri-ciri Sistem Ahli

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Ahli bertaraf MENTERI	Ahli menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan
2	Ahli DILANTIK oleh Pesuruhjaya Tinggi British	Mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja
3	Ahli mencadangkan UNDANG-UNDANG	Cadangan undang-undang dibentangkan di MPP
4	Merupakan satu sistem KABINET BAYANGAN	Terdiri daripada beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat
5	Ahli di BAWAH KUASA Pesuruhjaya Tinggi British	Pesuruhjaya Tinggi British sebagai ketua pentadbir PTM

5. Apakah kepentingan Sistem Ahli dalam usaha ke arah kemerdekaan negara?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Menjadi ASAS penting ke arah berkerajaan sendiri	Sistem Ahli melatih penduduk tempatan dalam pentadbiran
2	Memberi PENDEDAHAN kepada penduduk tempatan	Penduduk tempatan berpeluang untuk belajar mentadbir dan menerajui kerajaan sebelum merdeka
3	Merupakan proses untuk memupuk PERPADUAN kaum	Ahlinya terdiri daripada pelbagai kaum
4	Memastikan KEMERDEKAAN negara	Memastikan kemerdekaan disokong oleh seluruh penduduk PTM

6. Konsep kerjasama antara pemimpin pelbagai kaum dapat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang harmoni. Jelaskan pendapat anda. **(PESA)**

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Dapat wujudkan POLITIK yang harmoni	Pemimpin berusaha menjadikan negara kita kekal aman
2	Dapat majukan EKONOMI negara	Kerjasama antara pemimpin dapat menarik minat pelabur luar
3	Dapat sediakan kemudahan SOSIAL kepada rakyat	Rakyat akan dapat menikmati kemudahan sosial kelas pertama
4	Dapat wujudkan AMALAN BAIK (AGAMA) antara rakyat	Hubungan baik antara pemimpin menjadi ikutan rakyat

BAB 8 : PILIHAN RAYA

1. Apakah pilihan raya?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Amalan DEMOKRASI sesebuah negara	Rakyat berpeluang memilih wakil atau parti
2	ASAS berkerajaan sendiri	Kerajaan dipilih oleh rakyat

2. Nyatakan sejarah pilihan raya di negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	1951 – Pilihan raya MAJLIS PERBANDARAN pertama diadakan	Pilihan raya Perbandaran George Town di Pulau Pinang
2	1952 – Pilihan raya MAJLIS PERBANDARAN LAIN diadakan	Di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Ipoh, Alor Setar, Melaka dan Seremban
3	1954 – Pilihan raya peringkat NEGERI	Parti Perikatan memenangi 226 kerusi
4	1955 – Pilihan raya UMUM yang pertama diadakan	Parti Perikatan memenangi 51 kerusi

3. Jelaskan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Suruhanjaya Penentuan SEMPADAN Kawasan ditubuhkan	Berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya
2	RANG UNDANG-UNDANG diluluskan	Undang-undang bagi membolehkan pilihan raya diadakan
3	PENDAFTARAN PENGUNDI dilakukan	Dilakukan di seluruh Tanah Melayu
4	PENAMAAN calon	Dilakukan pada 15 Jun 1955
5	KEMPEN pilihan raya diadakan	Diadakan selama 45 hari
6	Rakyat membuat PENGUNDIAN	Diadakan pada 27 Julai 1955
7	Peti undi dibawa ke PUSAT PENGIRAAN	Pengiraan undi dilakukan
8	KEPUTUSAN pilihan raya diumumkan	Perikatan memenangi 51 kerusi

4. Apakah perubahan yang berlaku dalam Majlis Perundangan Persekutuan selepas pilihan raya 1955 diadakan?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Anggota MPP	Dipilih melalui pilihan raya
2	JUMLAH anggota	Bertambah kepada 100 orang
3	KETUA KERAJAAN	Diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri
4	PROSES PERTUKARAN pemimpin	Berlaku secara berperingkat dan mengambil masa
5	KUASA PEGAWAI British	Secara beransur-ansur dipindahkan kepada penduduk tempatan
6	Prinsip DEMOKRASLI	Membuktikan kejayaan pembentukan kerajaan melalui amalan pilihan raya

5. Apakah peranan kabinet pertama yang ditubuhkan selepas Pilhan Raya Umum 1955?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi KETUA MENTERI	TAR berkuasa menubuhkan kabinet sendiri untuk menjalankan pentadbiran
2	Mempunyai 10 orang MENTERI	Diperkenan oleh Raja-raja Melayu
3	KETUA MENTERI – Tunku Abdul Rahman	Bertanggungjawab untuk mencapai kemerdekaan
4	Menteri PELAJARAN – Dato' Abdul Razak Hussein	Berperanan membina bangsa yang bersatu melalui sistem pendidikan
5	Menteri BURUH – V.T. Sambanthan	Berperanan menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan
6	Menteri KESIHATAN – Leong Yew Koh	Bertanggungjawab meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan dan kesihatan

6. Bagaimanakah pilihan raya dapat membantu rakyat menikmati kehidupan yang harmoni dan sejahtera? Nyatakan pendapat anda. **(PESA)**

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Dapat pilih pemimpin yang sukakan POLITIK yang harmoni	Negara akan menjadi aman
2	Dapat pilih pemimpin yang bijak memajukan EKONOMI negara	Rakyat akan dapat merasai kemajuan ekonomi negara
3	Dapat pilih pemimpin yang pentingkan kebajikan SOSIAL rakyat	Rakyat dapat menikmati kemudahan sosial yang berkualiti
4	Dapat pilih pemimpin yang pentingkan ajaran AGAMA	Pemimpin akan amalkan sikap bersih, cekap dan amanah

BAB 9 – PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

1. Huraikan peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Suruhanjaya Reid)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	MEMERIKSA PERLEMBAGAAN yang wujud di Tanah Melayu	Turut mengambilkira martabat Ratu England dan Raja-Raja Melayu
2	Memberi CADANGAN tentang Perlembagaan Persekutuan	Berasaskan pengaruh Komanwel dan prinsip Demokrasi Berparlimen
3	Mewujudkan KERAJAAN PUSAT yang kuat	Manakala kerajaan negeri diberi autonomi tertentu
4	Kedudukan RAJA-RAJA MELAYU dilindungi	Berasaskan konsep Raja Berperlembagaan
5	Mencadangkan jawatan KETUA NEGARA diwujudkan	Jawatan Yang di-Pertuan Agong
6	Satu bentuk KEWARGANEGARAAN diadakan	Bagi seluruh PTM
7	Kedudukan ISTIMEWA orang Melayu dijaga	Kepentingan sah kaum lain juga dipelihara

2. Nyatakan memorandum yang diterima oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Memorandum daripada RAJA-RAJA MELAYU	Diwujudkan jawatan Yang di-Pertuan Agong
		YDPA dipilih oleh Raja-raja Melayu
		Tempoh jawatan YDPA ialah lima tahun
2	Memorandum daripada PARTI POLITIK dan PIHAK AWAM	Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu
		Dewan Perniagaan Melayu mohon kerakyatan diketatkan
		Persatuan Dewan Perniagaan Cina mohon kerakyatan menerusi kelahiran
		Masyarakat India mohon kewarganegaraan mereka diteliti
		MCA mohon sekolah aliran Inggeris dan vernakular diteruskan

3. Apakah draf / cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Meneruskan sistem KERAJAAN PERSEKUTUAN	Negeri-negeri mempunyai kuasa tertentu
2	Sistem kewarganegaraan JUS SOLI	Kepada semua orang yang lahir di Tanah Melayu
3	HAK ISTIMEWA orang Melayu	Diteruskan
4	Konsep RAJA BERPERLEMBAGAAN	Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan
5	Pembentukan PARLIMEN dengan dua Majlis Mesyuarat	Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk

4. Apakah reaksi rakyat terhadap cadangan / draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Ahli UMNO tidak bersetuju dengan konsep JUS SOLI	Bimbang kedudukan istimewa orang Melayu tergugat
2	Parti PAS mengkritik isu KEWARGANEGARAAN	Menganggap tidak menjaga kepentingan orang Melayu
3	Terdapat masyarakat Cina yang timbulkan ISU BAHASA	Mahukan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan
4	MIC turut memberikan CADANGAN	Mahukan syarat kewarganegaraan dan penggunaan bahasa Tamil diberi perhatian
5	Dato' Onn Jaafar MENOLAK syarat kewarganegaraan	Kerana terlalu longgar
6	Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat adakan KONGRES	Untuk bincangkan draf perlembagaan

5. Jelaskan isi utama Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Prinsip RAJA BERPERLEMBAGAAN dan sistem DEMOKRASI BERPARLIMEN	Yang di-Pertuan Agong dilantik dari kalangan sembilan orang Raja Melayu
2	Syarat KEWARGANEGARAAN	Kewarganegaraan diberikan melalui tiga cara
3	KEDUDUKAN ISTIMEWA orang Melayu	Rakyat keturunan Melayu diberikan beberapa keutamaan kerana status mereka sebagai rakyat asal Tanah Melayu
4	Kedudukan AGAMA ISLAM	Agama Islam menjadi agama Persekutuan
5	Kedudukan BAHASA MELAYU	Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan

6. Prinsip Rukun Negara yang ketiga ialah 'Keluhuran Perlembagaan'. Apakah yang akan berlaku jika rakyat tidak menghormati perlembagaan? (PESA)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	POLITIK negara akan kucar-kacir	Pemimpin akan bertelagah sesama sendiri
2	EKONOMI negara akan merosot	Pelabur luar akan menjauhi negara kita
3	Kehidupan SOSIAL rakyat akan musnah	Rakyat akan sentiasa mempunyai perasaan curiga antara kaum
4	Amalan AGAMA menjadi tidak penting	Kerana jenayah semakin berleluasa

BAB 10 – PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

1. Apakah maksud kemerdekaan?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	BEBAS daripada sebarang cengkaman KUASA ASING	Bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara
2	BEBAS daripada PENJAJAHAN, kurungan atau naungan	Negara yang berdaulat dan mempunyai kuasa tertinggi

2. Nyatakan persiapan yang dilakukan untuk menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

	ISI	HURAIAN / CONTOH	
1	Menubuhkan PERSEDIAAN FIZIKAL	Jawatankuasa	Stadium Merdeka dibina
			Pembinaan istana untuk Yang di-Pertuan Agong
			Lagu Kebangsaan dicipta
			Bendera PTM dijadikan bendera kebangsaan
			Penggunaan Jata Negara
2	Menubuhkan SAMBUTAN	Jawatankuasa	Bunga Raya dipilih menjadi bunga kebangsaan
			Bangunan dihiasi lampu
			75 ribu bendera kebangsaan ditempah
			Pakaian khas disediakan untuk Menteri
			Kursus khas berkaitan protokol diadakan
Pegawai dan kakitangan kerajaan diberi gaji awal seminggu			

3. Terangkan sambutan kemerdekaan yang berlaku pada malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Permulaan sambutan kemerdekaan diraikan pada MALAM 30 Ogos 1957	Di Padang Kelab Selangor
2	JALAN sekitar Kuala Lumpur dipenuhi kenderaan	Jalan sesak dengan kereta, bas, beca, basikal dan pejalan kaki
3	Suasana malam penuh dengan KEMERIAHAN	Dipenuhi dengan lampu hiasan dan kedai dibuka sehingga larut malam
4	Wakil PARTI PERIKATAN berpakaian baju Melayu hitam	Diketuai oleh Sardon Jubir
5	300 pemuda membentuk PERBARISAN KEHORMAT	Diketuai oleh Ismail Bontak
6	11.58 malam – lampu DIPADAMKAN	Seluruh kawasan menjadi gelap gelita
7	12.00 tengah malam – lampu DINYALAKAN	Diikuti dengan laungan Merdeka
8	Bendera Union Jack DITURUNKAN	Diiringi dengan lagu God Save The Queen
9	Bendera Persekutuan Tanah Melayu DINAIKKAN	Diiringi dengan lagu Negaraku
10	LAUNGAN MERDEKA sebanyak tujuh kali	Tunku Abdul Rahman memberi tabik hormat
11	Tunku Abdul Rahman dikalungkan RANTAI EMAS oleh Pemuda Perikatan	Tunku Abdul Rahman menyampaikan ucapan
12	Majlis diakhiri dengan DOA SELAMAT	Oleh Tuan Haji Massood Hayati

4. Jelaskan peristiwa bersejarah yang berlaku di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos 1957

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Sambutan kemerdekaan disambut dengan GEMILANG	20 ribu orang membanjiri Stadium Merdeka
2	Tunku Abdul Rahman TIBA di stadium	Diikuti oleh ketibaan Raja-Raja Melayu
3	Tunku Abdul Rahman MEMBACA Pemasyhuran Kemerdekaan	Sebagai pengisytiharan kemerdekaan dan kedaulatan PTM
4	Tunku Abdul Rahman melaungkan "MERDEKA" sebanyak tujuh kali	Disahut oleh rakyat pelbagai bangsa
5	Laungan AZAN oleh Ustaz Hassan Azhari	Tanda kesyukuran terhadap kemerdekaan negara
6	BENDERA KEBANGSAAN dinaikkan	Diiringi dengan lagu kebangsaan
7	101 das TEMBAKAN dilepaskan	Tanda PTM sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat

5. Jelaskan peranan anda sebagai rakyat Malaysia untuk mengekalkan kemerdekaan / kedaulatan negara. **(RUKUN NEGARA)**

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Kepercayaan kepada TUHAN	Mengamalkan sikap baik mengikut ajaran agama
2	Kesetiaan kepada RAJA dan NEGARA	Tidak belot terhadap pemimpin dan negara
3	Keluhuran PERLEMBAGAAN	Menghormati perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara
4	Kedaulatan UNDANG-UNDANG	Mematuhi undang-undang negara
5	KeSOPANan dan keSUSILAan	Mengamalkan nilai murni dalam kehidupan seharian